

UMNO BAHAGIAN BATU BERENDAM MELAKA: LATAR BELAKANG PENUBUHAN DAN KEPIMPINAN TIGA KETUA BAHAGIAN TERAWAL

***UMNO BATU BERENDAM MELAKA DIVISION: ESTABLISHMENT
BACKGROUND AND LEADERSHIP OF THE FIRST THREE DIVISION
CHIEFS***

Sahabudeen Mohamed Gani & Aishah Bee Ahmad Tajudeen

Abstrak

Artikel ini membincangkan latar belakang penubuhan bahagian baharu UMNO iaitu UMNO Bahagian Batu Berendam di Melaka dan menganalisis kepimpinan awal pertubuhan ini di bawah tiga ketua bahagian terawal. Melalui perbincangan ini, dapat dinilai sejauh mana usaha dan penglibatan pemimpin-pemimpin awal ini dalam mendapatkan kepercayaan orang Melayu dan juga menstabilkan pembangunan UMNO di Batu Berendam semasa era awal pembentukan. Dari segi metodologi, artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah penyelidikan sejarah yang merangkumi kajian perpustakaan dan temu bual. Melalui kajian perpustakaan, penyata-penyata UMNO Malaysia dan Batu Berendam, fail dan laporan rasmi UMNO Batu Berendam, artikel akhbar-akhbar tempatan dan kebanyakan sumber akademik sekunder telah dimanfaatkan. Kesemua sumber primer dan sekunder ini diperoleh daripada Ibu Pejabat UMNO Malaysia, Pejabat UMNO Bahagian Batu Berendam, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Institusi-Institusi Pengajian Tempatan dan Perpustakaan Negara. Bagi tujuan mendapatkan informasi primer mengenai topik yang dikaji, temu bual dengan beberapa tokoh veteran dan pemimpin yang menggerakkan parti ini turut dijalankan.

Kata kunci: UMNO; Batu Berendam; Melaka; Ketua Bahagian; Kepimpinan

Abstract

This article discusses the background of the establishment of the UMNO Batu Berendam Division in Melaka and analyses the early leaderships of this division under the three earliest division leaders. It evaluates to what extent the efforts and involvement of these early leaders in gaining the trust of the Malays and also stabilising the position of UMNO in Batu Berendam during the early period of establishment. In terms of methodology, this article uses a qualitative method, which is a historical research method that includes library research and interviews. Through library research, UMNO Malaysia and Batu Berendam statements, Batu Berendam UMNO official files and reports, local newspaper articles and most secondary academic sources are utilized. All these primary and secondary sources were obtained from the Malaysian UMNO Headquarters, the Batu Berendam Division UMNO Office, the National Archives of Malaysia and the libraries of local research institutions and the National Library. For the purpose of obtaining primary information on

the topic under study, interviews with several veteran figures and leaders who mobilised this party were also conducted.

Keywords: UMNO; Batu Berendam; Melaka; Division Chief; Leadership

Pengenalan

Negeri Melaka merupakan negeri ketiga terkecil di Malaysia selepas negeri Perlis dan Pulau Pinang. Keluasan Negeri Melaka ialah 637 batu persegi dan dibahagikan kepada tiga buah daerah utama iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin sehingga tahun 1990-an. Daripada ketiga-tiga daerah ini, Melaka Tengah ialah daerah terpenting kerana meliputi kawasan-kawasan bersejarah dan merangkumi Bandar Melaka iaitu ibu negeri Melaka. Daerah Melaka Tengah ini juga merangkumi dua kawasan Parlimen iaitu Parlimen Batu Berendam dan Parlimen Kota Melaka. Sehingga tahun 1995, jumlah penduduk di daerah ini merangkumi 296,897 orang iaitu 58.64% daripada keseluruhan penduduk Melaka iaitu seramai 506,321 orang. Komposisi kaum di daerah ini pula merangkumi 52.0% kaum Melayu, 41.8% kaum Cina, 4.6% kaum India dan 1.6% kaum lain-lain. Dari segi kegiatan ekonomi penduduk, kebanyakannya daripada mereka terlibat dalam industri perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian serta industri pembuatan manakala industri-industri yang paling kurang terlibat adalah berkaitan dengan elektrik, gas, air, perlombongan dan kuari (Laporan Penduduk Negeri Melaka 1995).

Dari segi politik, tidak dapat dinafikan bahawa UMNO menjadi tulang belakang dalam menerajui politik nasional Malaysia yang merangkumi masyarakat berbilang kaum. Kepentingannya dapat dilihat apabila pertubuhan ini menjadi satu parti dominan dalam Barisan Nasional yang mentadbir Malaysia sejak pilihan raya pertama pada tahun 1955. Dalam hal ini, UMNO Bahagian Batu Berendam merupakan sebuah bahagian baharu yang dipisahkan daripada UMNO Melaka pada tahun 1972 sejurus selepas ketewasan UMNO Melaka dalam pilihan raya umum yang ketiga pada tahun 1969. Namun begitu, dalam temu bual bersama Datuk Borhan, penulis Akhbar Merdeka, lidah rasmi UMNO negeri Melaka, didapati bahawa UMNO cawangan Batu Berendam telah mula berfungsi dari tahun 1950-an lagi tetapi tidak dapat dipastikan tarikh permulaan yang sebenar (Datuk Borhan Md. Yaman 8 September 1996). Mengikut analisis Laporan UMNO Malaya dengan rujukan khas kepada UMNO Bahagian Melaka, nama cawangan Batu Berendam hanya disenaraikan sebagai salah sebuah cawangan pada tahun 1965 (Penyata UMNO Malaysia 1965). Manakala dalam laporan UMNO Malaya dari tahun 1951-1964, tidak terdapat nama cawangan ini disenaraikan sebagai cawangan yang baharu. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, UMNO cawangan Batu Berendam telah wujud pada tahun 1950-an lagi. Ketiadaan nama cawangan Batu Berendam dalam Laporan UMNO Malaya dari tahun 1951-1964 adalah kerana ketiadaan struktur pentadbiran dan penyimpanan rekod yang berkesan oleh Bahagian UMNO Melaka pada ketika itu (Datuk Borhan Md. Yaman 8 September 1996). Namun begitu, bahagian UMNO ini menunjukkan prestasi yang cukup baik dalam tempoh awal penubuhannya. Misalnya, sehingga tahun 1996, bahagian UMNO ini telah mempunyai 69 cawangan dengan keahlian seramai 19,356 orang (Senator Hj. Kassim 1 Disember 1996).

Kepimpinan merupakan batu asas kepada pertumbuhan pesat bahagian UMNO baharu ini. Lebih-lebih lagi bagi sesebuah pertubuhan politik yang baharu dan mempunyai segala kekurangan dari segi pemilihan pucuk kepimpinan, infrastruktur, kepercayaan ahli-ahli pertubuhan sendiri dan juga masyarakat yang mempunyai kekuasaan untuk memilih mereka sebagai ketua. Oleh itu, penglibatan dan usaha yang diambil oleh ketua-ketua awalan bahagian UMNO ini harus dikaji secara terperinci terutamanya dalam tempoh formatif awal UMNO Bahagian Batu Berendam. Bagi tujuan tersebut, artikel ini dibahagikan kepada tiga perbincangan khusus dimulakan dengan penubuhan UMNO Melaka dan ketewasan UMNO Melaka dalam pilihan raya umum pada tahun 1969. Bahagian kedua pula menjelaskan proses tuntutan pemecatan empat bahagian UMNO Melaka dan akhirnya artikel ini memfokuskan pimpinan dan penglibatan awal ketua-ketua bahagian dalam proses pembangunan pertubuhan ini.

Penubuhan UMNO Melaka Dan Kegagalan Dalam Pilihan Raya Umum 1969

UMNO Melaka ditubuhkan secara rasmi pada 28 Mac 1948. Tempoh tepat penubuhannya boleh dikatakan setahun 10 bulan dan 17 hari selepas penubuhan UMNO dalam Kongres Melayu kedua. Pada tarikh ini, Persatuan Melayu Semanjung Melaka (PMSM) telah mengadakan mesyuarat agung untuk membubarkan pertubuhan tersebut dan menerima nama baharu – UMNO. Keputusan yang diambil dalam Persidangan Majlis Agung di Balai Besar Kota Bharu, Kelantan dari 11-13 Mei 1947 pula berpendapat bahawa adalah lebih wajar keahlian UMNO terdiri daripada orang perseorangan yang bersifat menyeluruh. Keputusan ini menyebabkan gabungan pertubuhan-pertubuhan Melayu harus menepati peraturan baharu UMNO mengenai keahliannya yang terdiri daripada individu dan bukan lagi jenis gabungan. Dalam pada itu, Yang Dipertua PMSM iaitu En. Ahman B. Jamal menjadi Yang Dipertua pertama manakala Yahya B. Husin dipilih menjadi Naib Yang Dipertua bagi UMNO Bahagian Melaka (Sahabudeen Mohamed Gani 1996/97).

Objektif UMNO Melaka adalah untuk berjuang mengangkat martabat bangsa, agama dan tanah air (Ahmad Usop 1996). Pada tahun 1952, jumlah ahli UMNO Bahagian Melaka adalah seramai kira-kira 40 orang dan hanya mempunyai lima cawangan iaitu UMNO Ayer Molek, Bukit Lintang dan Duyung yang disatukan, UMNO Tengah yang pejabatnya di Bandar Kaba, UMNO Merlimau, UMNO Jasin dan UMNO Alor Gajah (Ahmady Hassan 1963: Penyata UMNO Malaya. 1951/52). Usaha meningkatkan bilangan ahli telah dijalankan sejak tahun 1950-an lagi dan bertambah giat dalam era pimpinan Abd. Ghaffar Baba sebagai Ketua UMNO Melaka pada tahun 1956 (Dirgahayu UMNO Melaka 1996). Beliau bersama ahli jawatankuasa yang lain telah mempromosikan UMNO dari kampung ke kampung dan cawangan ke cawangan untuk menambahkan ahli. Jumlah cawangan UMNO Bahagian Melaka semakin meningkat sehingga pada tahun 1965 dan jumlah cawangan pula telah meningkat kepada 180. Dalam aspek keahlian ini, UMNO Melaka adalah Johan dalam analisis jumlah keahlian tertinggi dalam bahagian UMNO di seluruh negara berturut-turut selama 5 tahun. Pada tahun 1961, bilangan ahli yang membayar yuran adalah 8,022 orang dan bilangan ini meningkat kepada 24,202 orang pada tahun 1967. Begitu juga, bilangan cawangan UMNO bahagian Melaka meningkat dari 123 pada tahun 1961 kepada 183 pada tahun 1967 (Laporan UMNO Malaysia Tahun 1961-1967).

Dari segi prestasi pilihan raya umum pula, Parti Perikatan Melaka memenangi kesemua 20 kerusi DUN yang dipertandingkan di negeri Melaka dan tiga daripada empat kerusi bagi Parlimen pada tahun 1959. Manakala, keputusan pilihan raya pada tahun 1964 menunjukkan sedikit kelemahan berbanding dengan pilihan raya pertama. Hal ini demikian kerana daripada 20 buah kerusi DUN Melaka, hanya 18 kerusi dapat dipertahankan oleh Parti Perikatan Melaka dimana dua buah kerusi dimenangi oleh Parti Sosialis di Kota Selatan dan Kota Tengah. Isu yang lebih memudaratkan lagi situasi politik UMNO dan juga Parti Perikatan Melaka ialah keputusan pilihan raya 1969 yang merosot berbanding pilihan raya yang lepas. Peratusan undi yang diperolehi oleh Parti Perikatan dalam pilihan raya DUN bagi negeri Melaka adalah hanya 48.1% dan juga melihat penurunan drastik peratusan undi daripada pilihan raya pada tahun 1964 iaitu 65.2% (Nor Fazilah Bte Abdul Hamid 2002).

Buktinya, empat calon DAP telah memenangi kawasan bandar iaitu Bukit Rambai, Melaka Tengah, Kota Barat dan Kota Timur dengan mengalahkan calon Perikatan dan PAS. Lebih-lebih lagi, Parti Perikatan turut telah dikalahkan oleh parti politik baharu iaitu GERAKAN yang pertama kalinya bertanding dalam pilihan raya 1969 di Kota Selatan dengan mengumpul undian sebanyak 4,591. Dalam pilihan raya ini, Parti Perikatan tidak dapat mengekalkan empat kerusinya di Parlimen dimana Parlimen Bandar Melaka digapai oleh DAP dengan calonnya Lim Kit Siang yang mengalahkan calon Perikatan Koh Kim Leng dan PR dengan mendapat undian terbanyak iaitu 18,562. Namun begitu, Parlimen Melaka Tengah, Melaka Selatan dan Melaka Utara kekal dalam tangan Parti Perikatan. Terdapat beberapa isu yang menyebabkan kemerosotan Parti Perikatan Melaka ini dalam pilihan raya umum 1969 iaitu kekuatan parti-parti pembangkang dalam membahagikan kawasan pilihan raya untuk memecahkan undian parti MCA dan juga memecahkan sokongan orang Cina terhadap Parti Perikatan. Isu bahasa dan pendidikan memainkan peranan dalam kegagalan ini. Misalnya, PAS menuduh UMNO gagal dalam memelihara hak orang Melayu

dengan menentang Akta Bahasa 1967 yang membenarkan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil terus dipelajari dalam sekolah. Manakala, DAP mendapat sokongan masyarakat Cina dengan membawa isu bahasa pengantar bahasa Cina di Universiti Merdeka. Tambahan lagi, terdapat juga tuduhan bahawa UMNO tidak menjalankan tugasnya dalam mewujudkan infrastruktur dan pembangunan di negeri Melaka. Masalah ini ditambah lagi dengan pergolakan dalaman parti UMNO Melaka yang menyebabkan tuntutan pemecahan UMNO Melaka dipercepatkan (Nor Fazilah Bte Abdul Hamid 2002).

Tuntutan Pemecahan Empat Bahagian Umno Melaka

Tuntutan pemecahan empat bahagian UMNO Melaka telah mengambil masa hampir 14 tahun dan mencakupi tiga tahap. Tahap pertama bermula pada tahun 1959 dengan dipelopori oleh Kamal Sudin. Tuntutan tahap pertama ini disokong oleh Mohammad Hj. Abdul Rahman. Tuntutan pemecahan bahagian ini dilakukan dengan tujuan untuk memecahkan kekuasaan pemimpin UMNO. Pada peringkat ini, Ghaffar Baba telah berusaha dan berjaya meredakan tuntutan tersebut dengan mengambil beberapa tindakan. Ketua-ketua yang mempelopori tuntutan tersebut telah disingkirkan dari UMNO termasuk Kamal Sudin. Manakala, kakitangan kerajaan yang menyokong beliau turut ditukarkan ke kawasan lain (Jamil Jaamat 1983/84).

Tuntutan pemecahan tahap kedua bahagian digerakkan oleh Karim Abu, Borhan Md Yaman dan Hassan Mansor (Sahabudeen Mohamed Gani 1996/97). Menurut Ghaffar, pergolakan UMNO Melaka yang berlaku pada tahun 1968 adalah akibat beliau dipilih semula bagi memegang jawatan Ketua Bahagian tanpa bertanding. Isu ini telah menimbulkan pergeseran antara ahli parti sehingga membangkitkan isu pemecahan bahagian UMNO Melaka (Utusan Malaysia 22 Jun 1972). Dalam pada itu, Karim Abu yang tidak dipilih dalam kabinet Ghaffar telah mengisyiharkan UMNO Bahagian Melaka Selatan pada 7 Ogos 1968 dengan sokongan 26 daripada 39 buah cawangan di daerah Jasin (Berita Harian 1 Ogos 1968). Penubuhan UMNO Melaka Selatan ini adalah berpuncak daripada perasaan tidak berpuas hati yang memuncak dalam kalangan cawangan-cawangan UMNO kerana kegagalan beberapa projek pembangunan luar bandar dalam kawasan Melaka Selatan. Dalam isu ini, MCA dan MIC Jasin turut memberikan sokongan kepada penubuhan bahagian ini (Berita Harian 27 Ogos 1968). Kedudukan UMNO Melaka semakin tergugat lagi apabila 31 buah cawangan UMNO kawasan Melaka Tengah termasuk Bandar Melaka yang mempunyai ahli seramai 4,288 orang telah menubuhkan UMNO Bahagian Melaka Tengah pada Ogos 1968. Wujud juga isu penubuhan UMNO bahagian Melaka Utara di Parit tidak sah kerana penubuhannya tidak diwakili oleh cawangan-cawangan UMNO di kawasan pilihan raya Parlimen Melaka Utara (Berita Harian 14 November 1968).

Menurut Datuk Borhan, tragedi 13 Mei 1969 yang menyebabkan semua aktiviti politik dibekukan dan pentadbiran negara dijalankan oleh MAGERAN membolehkan Ghaffar Baba dapat mematahkan tuntutan pemecahan bahagian (Datuk Borhan Md. Yaman 8 September 1996). Namun begitu, tuntutan tahap ketiga dimulakan sebaik sahaja keadaan negara kembali normal. Pada 3 Mei 1972, lebih kurang 200 orang pemimpin dari 33 cawangan UMNO Melaka menemui Ketua Menteri Dato' Hj. Talib Karim bagi menyerahkan memorandum supaya UMNO Melaka dipecahkan menjadi empat bahagian sebelum 9 Mei 1972 (Berita Harian 4 Mei 1972). Pada bulan Julai 1972, pergolakan politik UMNO Melaka memuncak apabila seramai 300 orang ahli UMNO telah bermesyuarat pada 30 Jun 1972 dan mengambil keputusan untuk menubuhkan UMNO Bahagian Bandar Melaka. Ahli Dewan Undangan Negeri. En. Mohammad Hj. Abd Rahman telah dipilih menjadi Pengurus UMNO Bahagian Bandar Melaka (Berita Harian 1 Julai 1972). UMNO Bahagian Melaka Tengah telah diisyiharkan sebagai sebuah lagi bahagian pada 1 Julai 1972 dalam satu perjumpaan di Sea View Hotel, Klebang dengan dihadiri 2,700 orang. Tuan Hj. Johar B Hj. Abd. Aziz, bekas nazir sekolah-sekolah agama Melaka telah dilantik menjadi Ketua Bahagian tersebut (Berita Harian, 3 Julai 1972). Seterusnya Bahagian Alor Gajah diisyiharkan pada 2 Julai 1972 dan Amat Miun dipilih sebagai Ketua. Manakala, UMNO Bahagian Jasin pula diwujudkan pada 3 Julai 1972 dan Karim Abu dilantik menjadi ketuanya. Namun begitu, Ibu Pejabat UMNO menganggap pembukaan UMNO Bahagian di Melaka tidak sah kerana tidak mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Majlis Tertinggi UMNO (Utusan Malaysia 4 Julai 1972). En. Senu, Setiausaha Agong

UMNO Malaysia menjelaskan bahawa pengiktirafan UMNO Bahagian terletak pada Majlis mengikut ceraian 7 fasal II perlombagaan UMNO (Utusan Malaysia 4 Julai (Berita Harian 4 Julai 1972).

Situasi UMNO Melaka yang semakin bergolak telah menyebabkan UMNO Malaysia pada 15 Julai 1972 membentuk satu jawatankuasa khas yang diketahui oleh Menteri Pelajaran pada ketika itu Tun Hussein Onn untuk menyiasat pemecahan UMNO Melaka menjadi empat bahagian. Beliau dibantu oleh empat anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia iaitu Tan Sri Hj. Ghazali Jawi (Menteri pertanian dan Perikanan), Musa Hitam (Pengerusi Felda), Senator Aishah Ghani (Ketua Pergerakan Wanita UMNO) dan Dr. Mahathir Mohamad. Dalam jawatankuasa ini, En. Senu Abdul Rahman menjadi setiausaha. Tun Razak memaklumkan bahawa jawantakuasa ini melawat Melaka dan bertemu dengan pemimpin-pemimpin UMNO empat kawasan pilihan raya, wakil-wakil UMNO peringkat cawangan dan juga bertemu dengan Jawatankuasa Bertindak Pemecahan empat Bahagian UMNO di Melaka (Berita Minggu 16 Julai 1972).

Penubuhan jawatankuasa penyiasat itu disambut baik oleh Mohamad Hj. Abd. Rahman dan berjanji akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada jawatankuasa tersebut apabila mereka memulakan penyiasatan terhadap pemecahan bahagian UMNO Melaka (Berita Harian 17 Julai 1972). Ghaffar merasakan tindakannya mempertahankan UMNO sebagai suatu entiti berkemungkinan besar menuju ke arah kegagalan setelah Jawatankuasa Penyiasat melakukan penyiasatan terhadap pemecahan UMNO di Melaka. Oleh itu, UMNO Melaka telah bersetuju supaya dipecahkan menjadi empat bahagian sebelum Jawatankuasa Penyiasat memberi sebarang ulasan tentang siasatan yang dijalankan oleh mereka (Datuk Borhan Md. Yaman 8 September 1996). Pada 18 November 1972, Majlis Tertinggi UMNO Malaysia memutuskan agar UMNO Melaka dipecahkan kepada empat bahagian walaupun 170 daripada 173 cawangan negeri menentang keputusan tersebut. Namun begitu, Tun Razak memberitahu bahawa keputusan tersebut adalah diambil demi memelihara kepentingan masa depan UMNO. Serentak dengan itu, Majlis Tertinggi UMNO turut memutuskan penyusunan semula bahagian-bahagiannya di seluruh negara untuk diselaraskan dengan kehendak Perlombagaan UMNO Fasal 17 ceraian I & II. Mengikut Perlombagaan UMNO ini, Melaka mempunyai 4 bahagian UMNO secara sah iaitu Melaka Utara (Alor Gajah), Melaka Tengah (Batu Berendam), Melaka Selatan (Jasin) dan Bandar Melaka (Kota Melaka). UMNO Batu Berendam muncul sebagai sebuah bahagian tersendiri yang sah pada tahun 1972 setelah melalui tiga tahap perjuangan menuntut pemecahan bahagian di Melaka.

Kepimpinan Dan Penglibatan Awal Ketua Umno Bahagian Batu Berendam

Pada peringkat awalnya hampir 80% kepimpinan UMNO terdiri daripada golongan guru, ketua kampung, penghulu dan golongan sidang (Datuk Wira Ahman Normid B. Mohd Amin 27 November 1996). Pada masa ini, bilangan profesional dan golongan berkelulusan tinggi dalam UMNO adalah sangat kurang. Situasi ini berubah pada tahun 1980-an kerana golongan ini telah meningkat dan mengambil alih kepimpinan parti di pelbagai peringkat. Begitu juga, Ketua-ketua Bahagian UMNO Batu Berendam yang terdiri daripada golongan *grassroot* sehingga tahun 1995 terdiri daripada golongan profesional serta mereka yang menjawat pelbagai jawatan kecil sebelum menjadi Ketua Bahagian UMNO. Misalnya, Allahyarham Datuk Hj. Ahmad Manap menjadi Ketua Bahagian Batu Berendam yang pertama selepas pemecahan UMNO empat bahagian dari tahun 1972 hingga 1978 (Penyata UMNO Malaysia 1971-1978). Beliau pada awalnya telah menjadi ahli jawatankuasa (AJK) UMNO Bahagian Melaka pada tahun 1963 dan seterusnya menjadi Bendahari UMNO Perhubungan Negeri Melaka dari tahun 1976 hingga tahun 1972 (Sahabudeen Mohamed Gani 1996/97). Pada tahun 1972, atas kekaliberannya, beliau telah dilantik menjadi Ketua Bahagian menerajui UMNO Batu Berendam. Pada masa yang sama, beliau turut memegang jawatan Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Melaka (Penyata UMNO Malaysia 1971-1978).

YB. Datuk Wira Ahmad Nordin bin Mohd Amin pula menjadi Ketua Bahagian UMNO Batu Berendam dari tahun 1978-1987 merupakan seorang berkelulusan jurusan undang-undang dari Middle Temple London (Datuk Wira Ahman Normid B. Mohd Amin 27 November 1996). Beliau menjadi ahli UMNO pada tahun 1961 menerusi Cawangan Tanjung Kling. Dari tahun 1968-1987,

beliau menjadi Ketua Cawangan tersebut dengan menggantikan ayahnya Mohd. Amin B. Saad yang pernah menjadi ADUN Melaka. Seterusnya beliau menaiki tangga lagi menjadi AJK Perhubungan UMNO Negeri Melaka dari tahun 1979-1981 dan hanya menjadi Ketua Bahagian UMNO Batu Berendam pada tahun 1978 dan berjawat jawatan tersebut sehingga tahun 1987. Hal ini menunjukkan kesanggupan beliau melalui proses politik selama 17 tahun (Datuk Wira Ahman Normid B. Mohd Amin 27 November 1996). Ketua Bahagian ketiga iaitu pada tahun 1987, Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam, seorang graduan Universiti Sains Malaysia telah dipilih dan melalui beberapa tangga jawatan sebelum menjadi ketua bahagian. Beliau menjadi ahli UMNO secara rasmi pada tahun 1969 menerusi UMNO Bukit Katil. Pada tahun yang sama, beliau telah dipilih menjadi AJK UMNO cawangan yang sama. Dari tahun 1970-71, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Pemuda UMNO, Cawangan Bukit Katil. Tahun 1972 pula Datuk Mohd Ali B. Mohd Rustam, telah dipilih memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO Cawangan Bukit katil dan Setiausaha UMNO Cawangan. Pada tahun 1976, telah dipilih menjadi AJK Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Batu Berendam dan seterusnya dari tahun 1978-1980 dilantik menjadi Bendahari Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian. Dari tahun 1982-1987, beliau menjadi AJK UMNO Bahagian Batu Berendam dan dari tahun 1983-1985, beliau menjadi AJK Pergerakan Pemuda Bahagian serta menjadi Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Melaka dari tahun 1985 dan akhirnya menjadi Ketua Bahagian dari tahun 1987 (Lotfi Ismail 1987). Dominasi kepimpinan ketigatiga Ketua Bahagian UMNO Batu Berendam ini menunjukkan peralihan daripada mereka yang terdiri daripada kalangan *grassroot* kepada golongan guru dan Angkatan profesional. Kelayakan pemimpin-pemimpin-UMNO bahagian Batu Berendam menyebabkan pertubuhan ini menjadi teras kestabilan UMNO Melaka dan ini diperakui oleh bekas Ketua Menteri Melaka, YAB Tan Sri Hj. Abdul Rahim B. Tamby Chik dalam ucapan perasmian Persidangan Mesyuarat Agung Pertama UMNO Bahagian Batu Berendam (Laporan Tahunan UMNO Batu Berendam 1989/90).

Penglibatan dan Kejayaan dalam Pimpinan Allahyarham Datuk Hj. Ahmad Manap

Dari tahun 1950-an sehingga tahun 1970-an, didapati organisasi UMNO Bahagian Batu Berendam agak longgar dan kurang teratur. Dalam era ini, ketidaaan bangunan sendiri menyulitkan lagi pengeoperasian dari segi sosial dan juga politik. Datuk Hj. Ahman mengetuai UMNO Bahagian Batu Berendam dari 1972 hingga 1980. Pada peringkat awal, beliau menumpukan perhatian kepada penyusunan pentadbiran, mengatasi masalah berkaitan perancangan parti dan kerajaan, serta menjelaskan konsep perjuangan UMNO dan Barisan Nasional. Beliau turut menyertai mesyuarat dialog bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh ahli UMNO khususnya. Usaha beliau dalam bidang ini memainkan peranan penting dalam membantu keluarga yang terjejas akibat bencana, pelajar miskin, dan orang kurang upaya (Penyata UMNO Malaysia 1973-1975). Dalam era kepimpinannya juga ditekankan penglibatan bumiputera dalam bidang ekonomi. Biro ekonomi ditubuhkan khas untuk mengatur aktiviti-aktiviti atau peluang perniagaan kepada ahli-ahli UMNO. Biro ekonomi telah berjaya mengadakan pasar malam di tiga kawasan iaitu Sg. Udang, Klebang Besar dan Durian Tunggal dan hasil kerjasama dengan pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula telah membolehkan mereka mendirikan 4 buah kedai di Durian Tunggal pada sekitar tahun 1976-1978. Kepimpinannya juga menampakkan hubungan mesra dijalinkan dengan agensi-agensi kerajaan seperti MARA, UDA dan lain-lain lagi bagi mengatur dan menjalankan aktiviti ekonomi bumiputera khasnya ahli UMNO (Penyata UMNO Malaysia 1976-1978). Biro ekonomi juga telah berusaha ke arah menubuhkan Tabung Kewangan Biro Ekonomi dan berusaha untuk ahli-ahli UMNO menyertai serta menjadi ahli Koperasi Bersatu. Biro ini juga telah menggalakkan ahli-ahli UMNO bahagian membeli Saham MARA (Saham MARA kesebelas) dan menyeru ahli-ahli UMNO di peringkat cawangan mengambil bahagian dalam perniagaan kecil seperti perniagaan pasar malam, kereta sorong, gerai dan sebagainya (Penyata UMNO Malaysia 1979/1980).

Pendidikan juga diutamakan dalam era kepimpinannya. Biro Pendidikan dirangka khas untuk memastikan golongan bumiputera menerima pendidikan yang secukupnya untuk menghadapi masa hadapan. Biro ini sering memberikan galakan, panduan dan bimbingan kepada cawangan-cawangan bagi mengadakan kelas-kelas TABIKA, BIMBINGAN dan KEMAS (Penyata UMNO Malaysia 1976/1977). Biro ini juga membantu membayar yuran peperiksaan seperti SRP bagi anak-anak ahli UMNO yang mempunyai keperluan yang tinggi (Penyata UMNO Malaysia 1979/1980). Biro Buruh

pula ditubuhkan bagi menjaga kebajikan pekerja-pekerja agar kebajikan mereka terjamin. Misalnya, Biro ini telah menyiasat masalah pekerja kilang dan menyelesaikan masalah pengangguran. Biro ini turut telah menjalin kerjasama dengan Persatuan Penjaja untuk mengatasi masalah tekanan pihak majikan terhadap pengusaha kantin di sebuah kilang elektronik selain memberikan kerjasama kepada Jabatan Buruh untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang sesuai (Penyata UMNO Malaysia 1976- 1978).

Selain itu, bidang agama juga diberikan perhatian dalam era kepimpinannya dengan menubuhkan Biro Agama khusus untuk menjaga dan menjalankan aktiviti keagamaan. Biro ini telah mengadakan kursus kepada bakal Haji selama empat minggu di daerah Melaka Tengah dan Bandar Melaka pada tahun 1875. Syarahan-syarahan dan ceramah agama juga sering diadakan untuk meningkatkan kefahaman agama dalam kalangan ahli bahagian (Penyata UMNO Malaysia 1975-1977). Biro politik pula ditubuhkan untuk membincang, menganalisis serta mengatasi masalah perkembangan politik semasa. Biro ini bertindak menyelesaikan segala masalah yang berlaku dalam cawangan UMNO dengan memberi penerangan tentang politik terutama semasa menghadapi pilihan raya dan berusaha ke arah mewujudkan kestabilan politik dan perpaduan dalam kalangan ahli UMNO dalam Bahagian Batu Berendam khasnya dan Negeri Melaka amnya (Penyata UMNO Malaysia 1979/1980). Biro ini telah memainkan peranan aktif dalam mengerakkan semula cawangan-cawangan UMNO setelah UMNO Melaka digantung oleh UMNO Pusat pada 10 September 1977 (Penyata UMNO Malaysia. 1978/1979). Dalam era kepimpinannya, penglibatan yang paling penting adalah perancangan untuk mendirikan Rumah UMNO bahagian tetapi tidak sempat direalisasikan oleh beliau (Penyata UMNO Malaysia.1979/1980).

Penglibatan dan Kejayaan dalam Pimpinan Datuk Wira Ahmad Nordin B. Mohd Amin

Seterusnya dari tahun 1980 UMNO Bahagian Batu Berendam telah diterajui oleh Datuk Wira Ahmd Nordin B. Mohd Amin. Dalam era kepimpinannya kejayaan terpenting adalah dalam merealisasikan cadangan mendirikan Rumah UMNO yang dirancang oleh ketua sebelum beliau. Pada tahun 1986, UMNO Bahagian Batu Berendam berpindah ke bangunan sendiri yang didirikan melalui hasil sumbangan derma daripada ahli dan ahli politik UMNO Bahagian Batu Berendam (Sahabudeen Mohamed Gani 1996/97). Bangunan UMNO ini merupakan bangunan yang paling mahal didirikan berbanding dengan bangunan-bangunan UMNO di Melaka dengan nilai mencecah RM 3 juta (Salim Kassim 1996). Selain daripada mendapatkan bangunan sendiri, dalam kepimpinan beliau, kawasan UMNO Batu Berendam berjaya mendapatkan satu kerusi Parlimen. Hal ini demikian kerana dari tahun 1955 hingga tahun 1986, kerusi Parlimen di kawasan ini diperuntukkan kepada MCA dan dalam pilihan raya 1986, kerusi ini berjaya diambil alih oleh UMNO. Usaha beliau dapat dilihat apabila beliau mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir dan calon pertama UMNO bagi kerusi Parlimen Batu Berendam telah dipilih iaitu En. Tamrin Abdul Ghaffar (Datuk Wira Ahmad Nordin Bin Mohd Amin 27 November 1996).

Penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi turut menjadi agenda perjuangannya dengan menubuhkan Biro Ekonomi. Biro ini telah bertindak memberikan penerangan dan penggalakkan kepada ahli-ahli UMNO agar menyertai serta menjadi ahli Koperasi Bersatu dan membeli saham di Amanah Saham Nasional (ASN). Pada masa ini juga, ahli-ahli UMNO digalakkan melibatkan diri dalam perniagaan kecil seperti bermiaga pasar malam, kereta sorong dan sebagainya. Usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk meninggikan lagi taraf ekonomi dan pencapaian usahawan Bumiputera di bahagian tersebut. Mereka diberikan panduan dan khidmat nasihat dalam menjalankan aktiviti perniagaan dengan lebih sempurna (Penyata UMNO Malaysia 1980-1984). Manakala dalam menjaga dan menjamin pendidikan anak ahli-ahli UMNO telah ditubuhkan Biro Pendidikan. Biro ini memberi bantuan kepada murid-murid yang mendapat 5A dalam peperiksaan serta memberi bantuan untuk membayar yuran peperiksaan SRP kepada murid-murid pada tahun 1984 (Penyata UMNO Malaysia 1983/1984). Biro ini juga telah membuat percubaan "Belajar Berkelompok" bersama-sama dengan ahli jawatankuasa PIBG dan JKJK Kawasan Sungai Udang bagi pelajar-pelajar tingkatan tiga dan lima Sekolah Seri Tanjung untuk

menjadikan asas panduan kegiatan pelajaran kepada pelajar-pelajar di bahagian ini (Penyata UMNO Malaysia 1984/1985).

Biro Agama juga ditubuhkan dalam era kepimpinannya bagi menjaga hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan. Biro ini pernah menggesa Majlis Perbandaran Melaka Tengah (MPMT) mengambil tindakan terhadap penjual daging khinzir yang tidak mengikut peraturan dan melarang pekedai Islam menjual minuman keras. Biro ini juga pernah menggesa Majlis Agama Islam Melaka bagi mengadakan hukuman terhadap orang Islam yang murtad dan mengarahkan Biro-Biro Agama cawangan supaya melaporkan kepada Jabatan Agama Islam jika didapati ada sesiapa yang terlibat dengan ajaran sesat di Bahagian Batu Berendam (Penyata UMNO Malaysia 1982-1983). Ceramah-ceramah agama di surau-surau dan masjid-masjid sering diadakan dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan lagi kefahaman Islam terutamanya dalam kalangan ahli-UMNO Bahagian Batu Berendam (Penyata UMNO Malaysia 1985/1986). Biro Buruh juga diwujudkan dalam era kepimpinannya pula telah menggalakkan penubuhan “House Union” di kilang-kilang swasta bagi menjamin hak pekerja. Biro ini juga berperanan dalam mengumpul bukti-bukti yang penting untuk menentang penindasan pihak kilang terhadap pekerja-pekerja dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut. Selain itu, biro ini juga pernah mendesak Jabatan Buruh supaya tidak membiarkan pekerja-pekerja dibuang kerja tanpa alasan yang kukuh daripada pihak majikan mereka (Penyata UMNO Malaysia 1985/1986).

Penglibatan dan Kejayaan dalam Pimpinan YB. Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam

Datuk Wira terkenal sebagai seorang yang lantang dan berani bersuara dalam hal yang mencabar kedudukan orang Melayu di dalam dan juga di luar negara. Misalnya, rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura telah dihalau keluar manakala diberikan kewarganegaraan kepada orang-orang yang berpengaruh dari Hong Kong hanya dalam tempoh dua tahun bermaustautin dalam negara tersebut. Dalam isu ini, UMNO Batu Berendam di bawah kepimpinan Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam telah memberi amaran kepada Lee Kuan Yew, Presiden Singapura dan pemimpin-pemimpin Singapura agar memberhentikan tindakan mereka yang menghina Tanah Melayu. Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Batu Berendam yang bersidang pada 6 Ogos 1989 mengambil ketetapan mendesak kerajaan melalui Kementerian Luar supaya memberi bantahan kepada Kerajaan Singapura atas keputusannya yang tidak menghiraukan rasa tanggungjawab sebagai anggota ASEAN yang sepatutnya mengamalkan sikap hormat-menghormati antara anggota ASEAN dan menyemaikan semangat kekeluargaan (Laporan Tahunan UMNO Batu Berendam 1989/1990). Dalam era kepimpinannya, parti-parti pembangkang di kawasan Batu Berendam semakin lumpuh apabila ramai ahli mereka mengalihkan perhatian kepada UMNO bahagian ini. Pada tahun 1990, UMNO bahagian ini telah menerima kemasukan secara beramai-ramai ahli-ahli Hasbul Islamiyyah Malaysia (HAMIM) dan Semangat 46 (Penyata UMNO Malaysia 1990/1991). Tambahan lagi, pertubuhan ini sering menghantar rombongan penyokong calon BN pada pilihan raya kecil yang diadakan di seluruh Malaysia. Misalnya, rombongan penyokong telah dihantar ke pilihan raya kecil DUN Serkam di Parlimen Jasin, Parlimen Jerai Kedah, DUN Bukit Payong Terengganu, DUN Batu Talam, Pahang (14 Ogos 1993), Dun Kampung Raja, Besut Terengganu (3 Oktober 1993), DUN Sementa, Selangor (25 Jan 1994) dan DUN Lundang, Kelantan (19 Mac 1994) (Penyata UMNO Malaysia 1991-1994).

Era kepimpinan YB. Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam dari tahun 1987 pula menampakkan kemajuan pesat di kawasan Batu Berendam dalam pelbagai bidang. Misalnya, sebanyak 11 biro telah diperkenalkan oleh beliau bagi melancarkan lagi perjalanan parti. Antara biro tersebut adalah biro politik, siasatan, penerangan, agama, kebajikan, pendidikan, pembangunan usahawan, hal ehwal pengguna, pelancongan, buruh dan tenaga manusia, sukan dan rekreasi, anti-dadah dan akhirnya biro perumahan (Penyata UMNO Malaysia 1987-1996). Setiap biro yang dibentuk merangka aktiviti masing-masing bagi menjamin hal ahli UMNO dan orang Melayu di kawasan Batu Berendam terbela. Dalam hal ini, Biro Pendidikan telah diberikan tumpuan dalam era kepimpinannya. Program-program Motivasi Kecemerlangan Pendidikan peringkat UPSR, SRP, SPM, SPVM dan STPM dan mengadakan kelas-kelas bimbingan SRP dan SPM dengan kerjasama cawangan-cawangan UMNO serta teknik menjawab soalan-soalan peperiksaan tersebut juga sering

diadakan bagi memastikan anak-anak ahli mendapat pendidikan yang secukupnya (Penyata UMNO Malaysia 1990/1991 hingga 1991/1992). Pelajar-pelajar yang miskin di Kawasan Batu Berendam juga dihulurkan bantuan dalam bentuk kewangan dan pakaian bagi memastikan golongan ini juga mendapat pendidikan yang sewajarnya sama seperti pelajar-pelajar lain. Biro ini juga dengan kerjasama Berita Harian telah mengadakan Kursus Kemahiran Belajar dalam kalangan murid terpilih yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STPM bertempat di Sekolah Menengah Munsyi Abdullah pada tahun 1992 (Penyata UMNO Malaysia 1992/1993). Biro ini juga pada tahun 1989 pernah mendesak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan memberi perhatian yang lebih dan istimewa serta bersungguh-sungguh terhadap pendidikan luar bandar (Penyata UMNO Malaysia 1989/1990). Dalam persidangan UMNO Batu Berendam pada tahun 1993 juga pernah diusulkan oleh Tuan Hj. Ahmad Marzuki di Melaka bagi melahirkan pelajar-pelajar yang bijak pandai dalam pendidikan agama Islam (Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu Berendam Kali Ke-5 1993). Usul ini telah dibawa oleh UMNO Bahagian ke UMNO Negeri dan Kerajaan Negeri serta Pusat. Sebenarnya banyak bahagian telah membawa usul yang sama dan hasil cadangan-cadangan ini, telah dibina Kolej Islam di Alor Gajah pada tahun 1995 (Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam 14 Januari 1997).

Tambahan lagi, Biro Politik dan Penerangan juga telah memainkan peranan penting dalam era awal kepimpinannya. Sejak UMNO diwujudkan semula setelah pendaftarannya dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi pada 4 Februari 1988, Biro ini dengan usahasama Biro Politik dan Jawatankuasa Penyelaras UMNO kawasan-kawasan iaitu Kerubong, Ayer Molek, Sungai Udang dan Tanjung Minyak serta semua cawagan-cawangan telah memainkan peranan untuk mendaftarkan ahli-ahli baharu. Hasil usaha gigih dari setiap ahli khususnya YB. Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam dan YB. Tuan Hj. Mohd Sarif (Setiausaha UMNO Batu Berendam ketika itu) telah dapat mendaftar ahli seramai 13,000 orang. Banyak majlis-majlis penerangan dan taklimat diatur di seluruh cawangan UMNO Batu Berendam (Laporan Tahunan UMNO Bahagian Batu Berendam 1988/1989). Hasil usaha di bawah kepimpinannya telah menampakkan kematangan dan kecemerlangan dalam memulihkan semula UMNO yang hampir kehilangan momentumnya di kawasan Batu Berendam. Contohnya, beliau telah berjaya menarik perhatian dan keyakinan orang ramai di kawasan tersebut untuk menyertai semula UMNO.

Biro Kebajikan pula ditubuhkan untuk menjaga kebaikan ahli-ahli UMNO yang tidak berkeupayaan dan memerlukan bantuan. Biro ini telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1989 bagi menyelesaikan masalah pemberian bantuan kepada masyarakat yang mempunyai keperluan (Penyata UMNO Malaysia 1989/1990). Biro ini turut menggesa Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mempercepatkan penghuluran bantuan kepada mereka yang terbabit tanpa isu birokrai di samping memperjuangkan agar peruntukkan bantuan dipertingkatkan. Pada setiap tahun, Biro ini memberikan bantuan kepada anak-anak yatim dan miskin sempena Hari Raya bagi meringankan beban mereka di samping memastikan mereka turut dapat meraikan perayaan bersama-sama. Tambahan lagi, kutipan derma untuk disumbangkan kepada penduduk yang ditimpa bencana alam seperti ribut dan banjir di beberapa kampung di Batu Berendam telah diusahakan oleh biro ini (Penyata UMNO Malaysia 1991-1993). Banjir yang berlaku hampir setiap tahun di Air Molek dan Kerubong telah memangkin UMNO Batu Berendam mendesak Kerajaan Negeri memperbesar dan membersihkan sungai Air Molek. UMNO Batu Berendam juga telah menggesa pihak Petronas membina tembok dan tukar pembentung serta membersihkan parit Sungai di Kampung Gelam yang sering mengalami banjir akibat projek Petronas (Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam 14 Januari 1997). Selain itu, memandangkan masalah penderaan kanak-kanak yang semakin ketara pada sekitar 1990-an, biro ini telah menganjurkan Seminar Membanteras Penderaan Kanak-Kanak dan Permasalahan Remaja Kini di Dewan Institut Teknologi Mara (ITM), Melaka pada tahun 1992 (Penyata UMNO Malaysia 1992/1993). Melalui usaha Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam pernah mengusahakan tuntutan ganti rugi kebocoran gas di Tangga Batu untuk 225 orang mangsa di Pantai Kundur dan Pantai Tanah Merah Sg. Udang sebanyak RM 123,200 dari pihak kilang Teknogas dan daripada Kerajaan Negeri Melaka (Laporan Tahunan UMNO Bahagian Batu Berendam 1988/1989).

Menyentuh tentang soal perumahan, Kerajaan Negeri Melaka yang didukungi oleh UMNO telah merancang strategi untuk menyelesaikan keperluan rumah kos rendah selaras dengan dasar perumahan negara. Bagi tujuan tersebut, kerajaan negeri akan menyediakan permintaan, kawasan dan jenis rumah. Agensi-agensi kerajaan seperti Yayasan Melaka (YM), Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) turut diberikan tanggungjawab menyediakan perumahan rakyat. Selain itu, kerajaan negeri juga mengenakan syarat kepada pemaju perumahan swasta membina sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah bagi setiap projek yang hendak dimajukan untuk membantu golongan berpendapatan rendah memilikinya (Utusan Malaysia 2 Mei 1996). Dalam hal ini, UMNO Batu Berendam di bawah kepimpinan YB Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam sentiasa memperjuangkan keperluan rumah kos rendah agar dapat dimiliki oleh mereka yang benar-benar layak sahaja. Banyak perumahan kos rendah telah dibina di kawasan Batu Berendam. UMNO Bahagian juga telah menjalankan kempen untuk menjual rumah kepada golongan bumiputera misalnya Pangaspuri Majlis Perbandaran Melaka di Bukit Baru. Dalam persidangan perwakilan bahagian pada tahun 1998 telah ada dua usul mengenai isu perumahan. En Amzah B. Othman (AJK Penaja UMNO Bahagian Batu Berendam) telah membawa usul berkaitan dengan masalah kuota Bumiputera terhadap perumahan. Masalah yang timbul ialah kuota Bumiputera yang tidak mampu dipenuhi oleh bumiputera kerana kurang berkemampuan. Hal ini menunjukkan walaupun negara amat pesat membangun tetapi keadaan ekonomi bumiputera masih tidak dapat menyaingi kaum lain. Beliau mendesak kerajaan agar memberi tumpuan yang lebih terhadap pelajar-pelajar Melayu. Beliau mencadangkan agar Biro Perumahan membeli rumah kuota Melayu dan kemudian menyewakan kepada orang Melayu untuk mengelakkan penyelewengan yang dilakukan oleh pemaju. Cadangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana kerajaan Negeri sendiri mempunyai kewangan yang terhad dan sebaliknya Kerajaan Negeri telah mengawal kuota bumiputera supaya mesti dipenuhi (Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam 14 Januari 1997).

Manakala, En. Yaakob B. Md. Amin pula telah mengusul gesaan terhadap Kerajaan Negeri Melaka agar mengkaji semula cadangan asal membangunkan kawasan Tangga Batu (Pekan). Kajian ini perlu dan penting dalam menentukan dan memastikan pungutan undi di kawasan tersebut pada masa akan datang. Pada tahun 1993, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) telah membuat cadangan pertama untuk membangunkan Pekan Tangga Batu seluas 64 ekar untuk perumahan murah yang mampu dimiliki oleh kaum Bumiputera iaitu 90 lot rumah kedai, rumah teres dua tingkat, stesen minyak dan banglo. Cadangan ini telah menunjukkan kemungkinan besar mampu ia mampu disertai oleh kaum Bumiputera. Tetapi pada tahun 1995, cadangan ini telah dipindah kepada cadangan mendirikan lapan tingkat rumah kedai, 18 tingkat rumah kos sederhana, banglo pejabat, pusat membeli-belah, hotel, pusat perubatan, apartmen, taman rekreasi, stesen minyak. Oleh itu, beliau mendesak kerajaan negeri dapat menimbang semula cadangan tersebut untuk memastikan pembangunan tersebut dapat dinikmati oleh semua pihak terutama bumiputera setempat (Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu Berendam 1996). Hasil gesaan ini, Kerajaan Negeri sedang menilai dan mengadakan perbincangan semula pembangunan di kawasan berkenaan mengikut kemampuan bumiputera untuk membeli. Perundingan yang sedang dijalankan ini dijangka akan berjaya dan pembangunan di kawasan berkenaan akan mengikut cadangan asal (Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam 14 Januari 1997).

Dari segi penglibatan Bumiputera dalam bidang ekonomi di Kawasan Batu Berendam khasnya dan Negeri melaka amnya masih jauh ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum lain. Justeru, UMNO Batu Berendam di bawah pimpinan Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam berusaha sedaya upaya untuk menggalakkan bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Tambahan lagi, UMNO bahagian ini dengan kerjasama PKNM berusaha memperbanyakkan usahawan bumiputera untuk menceburkan diri dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS). PKNM bertindak sebagai agensi pelaksana, memberikan khidmat nasihat di samping menyediakan tapak dan kilang untuk membantu mereka menceburkan diri dalam industri berkenaan. Sehingga akhir tahun 1995 sebanyak 24 tapak IKS dirancang dan daripada jumlah tersebut, 13 tapak telah siap agar usahawan kecil bumiputera mengambil bahagian dalam bidang pembuatan (Melaka Tanpa Rakyat Miskin Tahun 2000). UMNO Batu Berendam juga telah mewujudkan Koperasi Batu Berendam pada tahun 1995 iaitu keahliannya terbuka kepada semua

ahli dan juga bukan ahli dan koperasi ini diberi sebidang tanah untuk dimajukan oleh Kerajaan Negeri Melaka (Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu Berendam. 1996).

KESIMPULAN

UMNO Bahagian Batu Berendam secara rasminya dibentuk pada tahun 1972 setelah perjuangan menuntut pemecahan empat bahagian selama hampir 14 tahun. Perkara yang amat memudaratkan adalah ketewasan UMNO Melaka dalam Pilihan Raya Umum pada tahun 1969 yang turut memungkin proses pemecahan bahagian. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemasukan kuasa dalam kepimpinan UMNO Melaka selama hampir 22 tahun adalah kurang praktik dan tidak berkesan dalam memperjuangkan nasib rakyat dan khususnya membela hal ehwal kaum Melayu di Melaka. Sejak pembentukan UMNO Batu Berendam, pimpinan tiga orang pemimpin terawal menjadi kayu ukur bagi kestabilan kukuh pertubuhan politik ini dalam jangka masa awalan dari tahun 1972 hingga 1995. Misalnya, era pimpinan Hj. Ahmad Manap menjadi tahap pengasasan pertubuhan manakala tahap pemantapan pada era pimpinan Datuk Wira Ahmad Normid B. Mohd Amin dan seterusnya mencapai tahap pengukuhan pada era pimpinan Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam. Kepimpinan mereka mewujudkan ahli-ahli pertubuhan yang turut berkaliber dan bermatlamat tinggi yang dapat dilihat dalam Gerakan Pemuda dan Wanita. Tambahan lagi, kemenangan UMNO Batu Berendam berturut-turut dengan memegang kesemua kerusi Parlimen dan Dun kawasan ini dalam tempoh 1972 hingga 1995 menampakkan hasil pertubuhan ini memenangi kepercayaan rakyat Melayu di kawasan Batu Berendam. Tidak dapat dinafikan bahawa hasil daripada tuntuan pemecahan bahagian telah mendorang perkembangan politik Melayu yang lebih progresif sehingga dapat mencungkil dan melahirkan tokoh-tokoh politik di peringkat negeri mahu pun di peringkat kebangsaan.

RUJUKAN

Buku

- Ahmady Hassan (Penyusun). 1963. *Buku Chenderamata: Sejarah Perjuangan UMNO Melaka*. Melaka: UMNO Melaka.
 Lotfi Ismail. 1987. *Berkenalan Dengan Barisan Pemimpin Melaka*. Kota Bharu: Pustaka Wijaya.

Bab dalam Buku

- Ahmad Usop. 1996. Berdepan Dengan Permasalahan Dan Cabaran. Dlm. *Dirgahayu UMNO Melaka*, hlm. 20-31. Melaka: Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka.
 Salim Kassim. 1996. 28 Mac 1948 Tarikh Keramat UMNO Melaka. Dlm *Dirgahayu UMNO Melaka*, 50-55. Melaka: Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka.
 Anon. 1996. *Dirgahayu UMNO Melaka*. Melaka: Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka.

Keratan Akhbar

- “300 ahli UMNO Melaka nak menukuhan bahagian baru.” 1 Julai 1972. *Berita Harian*.
 “Bahagian Baru UMNO Melaka Selatan Di-Ranchang.” 1 Ogos 1968. *Berita Harian*.
 “J-Kuasa istihar UMNO Bahagian Melaka Tengah.” 3 Julai 1972. *Berita Harian*.
 “Masalah UMNO Melaka....” 22 Jun 1972. *Utusan Malaysia*.
 “Melaka Tanpa Rakyat Miskin Tahun 2000”. 2 Mei 1996. *Utusan Malaysia*, Keluaran Khas Kegemilangan Melaka.
 “Memorandum desak UMNO Melaka jadi 4 bahagian.” 4 Mei 1972. *Berita Harian*.
 “Sebab-Sebab Mengapa UMNO Melaka Selatan Ujud,” 27 Ogos 1968. *Berita Harian*.
 “Tokoh UMNO Melaka mengalu-alukan Penyiasatan.” 17 Julai 1972. *Berita Harian*.
 “UMNO Bandar Melaka tidak sah: Senu.” 4 Julai 1972. *Berita Harian*.
 “UMNO Melaka; J-Kuasa Siasat di-bentok.” 16 Julai 1972. *Berita Minggu*.

“UMNO Melaka:Langkah tubuh 2 bahagian tidak sah.” 4 Julai 1972. *Utusan Malaysia.*
 “UMNO Seksi Melaka Utara Tidak Sah: Ketua Menteri.” 14 November 1968. *Berita Harian.*

Tesis dan Disertasi

- Jamil Jaamat. 1983/84. *Pergolakan Politik UMNO Melaka di dalam 3 Desawarsa.* Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Fazilah Bte Abdul Hamid. 2002. *Perkembangan dan Pencapaian UMNO Melaka 1946-1988.* Disertasi Sarjana Sastera, Fakulti Sastera Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Sahabudeen Bin Mohamed Gani. 1996/97. *Kepimpinan dan Perjuangan UMNO Bahagian Batu Berendam (1948-1996): Satu Analisa.* Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laporan, Penyata dan Persidangan Rasmi

- Laporan Penduduk Negeri Melaka (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991).* 1995, Jabatan Perangkaan Kuala Lumpur.
- Laporan Tahunan UMNO Bahagian Batu Berendam. 1988/1989.
- Laporan Tahunan UMNO Batu Berendam. 1989/1990.
- Laporan UMNO Malaysia Tahun. 1961-1967.
- Penyata UMNO Malaya.* 1951/52.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1971/1972.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1972/1973.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1973/1974.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1974-1975.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1975/1976.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1976/1977.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1977/1978.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1978/1979.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1979/1980.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1980/81.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1982/1983.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1983/1984.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1984/1985.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1985/1986.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1987/88
- Penyata UMNO Malaysia.* 1989/1990.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1990/1991.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1991/1992.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1992/1993.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1995-1996.
- Penyata UMNO Malaysia.* 1993/1994.
- Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu Berendam Kali Ke-5.* 1993.
- Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu Berendam.* 1996.

Temu bual

- Datuk Borhan Md. Yaman temu bual dijalankan pada 8 September 1996.
 Senator Hj. Kassim temu bual dijalankan 1 Disember 1996.
 Datuk Wira Ahman Normid B. Mohd Amin temu bual dijalankan 27 November 1996.
 Datuk Wira Mohd Ali B. Mohd Rustam temu bual dijalankan 14 Januari 1997.

Sahabudeen Mohamed Gani
Penyelidik bebas, Taman Maluri
55100, Kuala Lumpur, MALAYSIA
Email: deenmg@yahoo.com

Aishah Bee Ahmad Tajudeen
Sekolah Menengah Kebangsaan St. Gabriel (M),
Kuala Lumpur, MALAYSIA
Email: aishahbee72@gmail.com

Diserahkan: 20 Mei 2023

Diterima: 11 Jun 2023

Diterbitkan: 30 Jun 2023